



**PERUTUSAN
YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

HARI HUTAN ANTARABANGSA 2018

21 Mac 2018

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Alam Sekitarku**

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Hutan Antarabangsa (*International Day of Forests*) Tahun 2018 kepada segenap lapisan rakyat Malaysia.

Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun. Pengisytiharaan Hari Perhutanan Sedunia (*World Forestry Day*) telah dipersetujui oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO, UN) pada 21 Mac 1972 dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan hutan, pemeliharaan dan pemuliharaannya untuk kesejahteraan masyarakat dan kestabilan alam sekitar.

Tema sambutan di peringkat antarabangsa pada tahun ini adalah "Forests and Sustainable Cities". Ia adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan hutan di kawasan bandar, antaranya sosial, ekonomi, alam sekitar dan kesihatan. Hutan bandar merupakan hutan atau dirian pokok yang tumbuh di kawasan bandar dan pekan. Ia dapat membantu mengurangkan kesan 'pulau panas' (*heat island*) di dalam dan di sekitar kawasan bandar dan mengawal iklim tempatan yang selanjutnya dapat membantu menjimatkan tenaga yang digunakan untuk penyejukan sehingga sebanyak 20-50 peratus. Kawasan hutan dalam bandar juga menyediakan habitat, makanan dan perlindungan untuk tumbuhan dan haiwan, serta membantu mengekalkan dan meningkatkan biodiversiti. Ini adalah selaras dengan matlamat ke-11 dan ke-13 dalam Matlamat

Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, SDG) iaitu masing-masing Bandar dan Komuniti Lestari; dan Tindakan Iklim.

Usaha penghijauan bumi akan terus dipergiatkan. Penanaman pokok-pokok hutan dalam kawasan bandar dan taman-taman perumahan perlu diberi perhatian khusus pada masa kini. Kawasan hijau di bandar bukan sahaja dapat mewujudkan suasana hidup selesa malah terus akan menyumbang kepada peningkatan keupayaan negara dalam mitigasi perubahan iklim.

Di peringkat Nasional, tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini, masih dikekalkan iaitu “Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat”. Ianya selari dengan komitmen Negara ke arah memastikan khazanah hutan di Malaysia diuruskan secara mampan bagi menjamin kepentingan negara dan masyarakat dapat dipelihara. Bagi mencapai tujuan ini, pelbagai usaha dan program telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri bagi memelihara dan memulihara khazanah hutan negara selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Matlamat ke-15 dalam Matlamat Pembangunan Lestari berkaitan pengurusan hutan secara mampan.

Memandangkan khazanah hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan telah dinyatakan dengan jelasnya di bawah Akta Perhutanan Negara 1984, Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan aktif bagi memastikan khazanah hutan negara terus terjamin untuk generasi akan datang. Apa yang penting ialah Kerajaan Negeri menimbangkan saranan supaya kebergantungan kepada aktiviti pengusahasilan hutan dapat dikurangkan dan seterusnya memperkasakan kepelbagaian guna hutan dan sumbangan perkhidmatan hutan seperti eko-pelancongan berasaskan hutan, pemerkasaaan industri herba dan farmaseutikal serta memantapkan kaedah sistem bayaran perkhidmatan ekosistem hutan (*Payment for Ecosystem Services*, PES). Dengan adanya Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 (ABS) akan dapat mengelakkan berlakunya aktiviti biopirasi di mana sumber biologi negara dan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber biologi dibangunkan tanpa sebarang perkongsian faedah kepada negara. Sehubungan itu, saya amat berharap khazanah kepelbagaian biologi negara dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjana sumber kekayaan baharu kepada negeri.

Usaha dan inisiatif kerajaan Malaysia dalam memelihara khazanah hutan negara sememangnya adalah selaras dengan komitmen negara terhadap ketetapan dalam Matlamat Pembangunan Lestari dan Sasaran Aichi di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi. Ia juga menyokong penuh komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan tanah negara di bawah kawasan berhutan dan litupan pokok.

Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersyukur kerana kita telah dianugerahkan dengan khazanah hutan yang kaya dengan sumber biodiversiti yang telah wujud dan berusia lebih jutaan tahun. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya, sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2018 ini dapat mengingatkan kita tentang betapa perlunya kita sebagai rakyat Malaysia, berusaha dalam mengekalkan bumi Malaysia terus subur dengan kehijauan kawasan berhutan yang kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna demi kesejahteraan hidup generasi kini dan akan datang.

**Kelestarian Khazanah Hutan Tanggungjawab Kita Bersama
Selamat Menyambut Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2018**

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**